

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

DI MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2015

**SUNWAY RESORTS & SPA, BANDAR SUNWAY
13 NOVEMBER 2015**

YAG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HJ. YAHAYA

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI,
selaku wakil KSU MOSTI yang kini menghadiri UNESCO General
Conference di Paris atas kapasiti sebagai Pengerusi UNESCO Science
Commission yang baharu.

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI

Pengerusi SIRIM Berhad

YANG BERUSAHA DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI

AHLI LEMBAGA PENGARAH SIRIM

YBHG. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN MOHD YUSOF

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad

PARA WAKIL INDUSTRI DAN ORGANISASI

RAKAN-RAKAN MEDIA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Terlebih dahulu bagi pihak semua yang hadir dan juga saya sendiri, ingin mengucapkan terima kasih kepada SIRIM kerana sekali lagi menjadi hos kepada majlis ini yang **bertujuan meraikan industri dan organisasi yang telah menerima pelbagai pengiktirafan daripada SIRIM menerusi skim-skim pensijilan dari November 2013 hingga Oktober 2014, yang melibatkan 880 buah organisasi.**

2. Saya juga berbangga dapat bersama para hadirin sekalian untuk melancarkan **Skim Pensijilan Sistem Pengurusan Aset atau Asset Management Certification Scheme**. Skim pensijilan ini adalah berdasarkan standard ISO 55001, yang menggariskan keperluan bagi mewujudkan, melaksana, mengekal dan memperbaiki sistem pengurusan aset bagi sesuatu organisasi.

3. Kesemua organisasi adalah digalakkan untuk melaksanakan Skim Pensijilan Sistem Pengurusan Aset ini, terutama sekali organisasi-organisasi yang telah membuat pelaburan yang banyak dalam aset mereka. **Pelaksanaan pengurusan aset yang baik adalah sangat penting dalam pembekalan produk dan perkhidmatan**, demi memastikan objektif keseluruhan organisasi itu dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan jayanya.

4. Walaupun standard ini adalah ditujukan kepada organisasi yang ingin mewujudkan sistem pengurusan aset fizikalnya, ia juga adalah terpakai kepada organisasi yang ingin menguruskan **aset bukan fizikal seperti jenama dan harta intelek.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

5. **Standard ISO 55001 adalah antara standard yang pertama diterbitkan oleh *International Organization for Standardisation (ISO)* yang telah digubal dengan struktur baru yang lebih mantap. Struktur yang mantap ini membolehkan integrasi yang lebih baik dengan sistem-sistem pengurusan yang sedia ada pada sesebuah organisasi.**

6. Sistem pengurusan ini akan **membantu mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset dan memberikan penjimatan kepada organisasi dengan mengoptimumkan jangka hayat sesuatu aset.** Walaupun pelaksanaan sistem pengurusan aset berdasarkan standard ISO 55001 adalah baharu di Malaysia, namun syarikat luar negara telah melaporkan bahawa **penjimatan kos dapat dicapai** setelah melaksanakan standard tersebut.

7. Di samping itu, **pensijilan sistem pengurusan aset secara tidak langsung akan meningkatkan reputasi sesuatu organisasi.** Pensijilan ini juga memberi jaminan bahawa organisasi tersebut melaksanakan amalan yang terbaik dalam pengurusan kitaran hayat kesemua asetnya. Pengiktirafan ini akan memberikan keyakinan yang tinggi kepada para pelabur dan juga kepuasan kepada para pelanggan.

8. Di sini, saya ingin mengucapkan **tahniah kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kerana menjadi **organisasi yang pertama** di Malaysia yang telah mencapai pensijilan ISO 55001 di Malaysia

Hadirin sekalian,

9. Tidak dapat dinafikan bahawa **SIRIM QAS International**, anak syarikat **SIRIM Berhad**, telah membantu lebih daripada **16,000** organisasi dalam mencapai pasaran yang lebih luas di Malaysia dan di luar negara, dan juga dalam **meningkatkan keyakinan pengguna** kepada produk dan perkhidmatan mereka melalui perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujiannya.

10. Saya difahamkan, **SIRIM QAS International** telah memberi **pensijilan kepada 8,000 organisasi di bawah skim pensijilan sistem pengurusan**. Skim pensijilan sistem pengurusan kualiti **ISO 9001 dan pensijilan ISO 14001 kekal sebagai skim pensijilan yang paling popular**.

11. Saya juga dimaklumkan bahawa **standard ISO 9001 dan ISO 14001 yang telah dikaji semula telahpun diterbitkan pada tahun ini**.

12. Oleh itu saya ingin menggalakkan organisasi-organisasi yang telah mendapat pensijilan ISO 9001: 2008 atau ISO 14001: 2004 untuk mengambil langkah segera dalam **menaik taraf sistem pengurusan kualiti atau sistem pengurusan alam sekitar** bagi mematuhi keperluan baru dalam ISO 14001: 2015 atau ISO 9001: 2015. **Penaiktarafan semula standard ISO 9001 dan ISO 14001 perlu diselesaikan sebelum tempoh tiga tahun seperti yang telah diputuskan, iaitu berakhir pada bulan September 2018**.

13. **Saya juga berbangga** untuk menyatakan bahawa **SIRIM QAS International** terus memainkan **peranan yang penting dalam memastikan keselamatan pengguna Malaysia melalui Skim**

Pensijilan Barangan. Tanda pensijilan **SIRIM** merupakan tanda pensijilan yang **telah diterima secara meluas** oleh masyarakat di Malaysia kerana ia memberi jaminan terhadap kualiti dan keselamatan produk kepada pengguna. Setakat ini, sekitar 6,000 lesen telah dikeluarkan di bawah Skim Pensijilan Barangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Di sini, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada SIRIM Berhad dan anak-anak syarikatnya kerana telah berjaya **meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengeluaran dalam kalangan industri tempatan** seperti yang diamanahkan oleh kerajaan.

15. Dalam memastikan industri tempatan terutamanya **Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS** untuk terus ke hadapan dan menyumbang kepada ekonomi dan kemajuan negara, agensi seperti SIRIM dipertanggungjawabkan untuk membantu PKS supaya lebih proaktif untuk membuat perubahan kepada struktur organisasi, cara dan strategi pengurusan, serta sentiasa mengikuti perkembangan terbaru dalam menghasilkan produk lebih inovatif dan berdaya saing.

16. MOSTI menyokong penuh aktiviti SIRIM untuk **meningkatkan penembusan dan peningkatan teknologi dalam kalangan PKS** ini. Di pihak kementerian sendiri, **pelbagai geran dan skim insentif disediakan untuk menggalakkan aktiviti inovasi dan penggunaan teknologi antaranya ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund** selain daripada program flagship iaitu program khas geran untuk membantu penyelidikan dalam bidang yang dikenalpasti yang memberi impak kepada pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi negara.

17. Saya berharap, SIRIM akan terus memperkukuhkan kerjasama yang terjalin bagi memacu pasaran ke tahap global. Kepada syarikat-syarikat yang telah berjaya memperoleh pensijilan kali ini, serta semua penerima Anugerah Kualiti SIRIM 2015, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan.

18. Dengan harapan tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2015 DAN MELANCARKAN SKIM PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ASET.**

Sekian, terima kasih.